

BAB I

Pengenalan Dan Pernyataan Masalah

Pengenalan

Sejarah sebagai asas ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan telah lama diajar di sekolah-sekolah di Malaysia. Mata pelajaran ini menjadi mata pelajaran teras sejak Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah diperkenalkan pada tahun 1984. Mata pelajaran ini juga turut menjadi sebahagian kurikulum sekolah di beberapa buah negara seperti di Amerika Syarikat, Britain, Sweden, Norway, Thailand, Singapura, Indonesia, Israel dan lain-lain lagi. Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di sekolah bertujuan untuk memenuhi beberapa matlamat seperti mengindoktrinasi ideologi seperti ideologi komunis di Rusia dan China (Soviet Education, 1987), menanamkan rasa kekitaan dan patriotik pada negara (Krug, 1967 dan Chaffer & Taylor, 1975), mengembangkan intelektual seperti pemikiran imaginatif dan kritis, memahami keadaan masa kini berdasarkan masa lampau, (Abd. Rahim, 1989 dan Muhd Yusof, 1977) dan mendidik pelajar membuat penilaian atau pertimbangan moral, teladan dan iktibar (Omar, 1991 dan Incorporated Assistant Masters, 1975). Faktor-faktor di atas merupakan beberapa kepentingan pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan mengapa ia dijadikan sebahagian kurikulum sekolah.

Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia pula, pengajaran dan pembelajaran Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkuuh diri sebagai warganegara Malaysia. Oleh sebab itu kandungan dan sukanan pelajaran kurikulum Sejarah KBSM mencadangkan agar pengajaran guru memberi tumpuan kepada pemahaman dan penghayatan sejarah perkembangan peradaban bangsa dan negara serta peradaban manusia dalam pelbagai aspek kehidupan.

Objektif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah KBSM pula ialah;

1. Memahami secara mendalam sejarah perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya;
2. Memahami kedudukan negara sebagai sebahagian daripada peradaban dunia;
3. Memahami perkembangan peradaban dunia dan sumbangannya terhadap kehidupan manusia ;
4. Mempertingkatkan kemahiran menganalisis, mensintesis dan menilai fakta-fakta sejarah secara rasional dan kritis;
5. Memperkuuh daya pemikiran dan kematangan yang berdasarkan iktibar daripada pengalaman sejarah;
6. Mempunyai kesedaran dan pemikiran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masa kini;

7. Mempertingkat kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara;
8. Mempunyai dan mengamalkan warisan nilai –nilai kemanusiaan sarwajagat;
9. Mempunyai minat terhadap sejarah sebagai satu disiplin ilmu.

(Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan, 1992 hal xi).

Walaupun objektif-objektif tersebut dinyatakan dengan jelas, ia mungkin sukar dicapai jika pengajaran dan pembelajaran guru masih di tahap lama iaitu bercorak berpusatkan guru dan pengajaran hanya bercorak sehala daripada guru serta tidak berpusatkan pelajar. Pengajaran guru tidak melibatkan pelajar secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Tetapi sekiranya pengajaran melibatkan pelajar secara aktif mungkin objektif dan matlamat mata pelajaran akan mudah dicapai di samping mendorong pelajar berminat terhadap mata pelajaran ini. Kegagalan guru memilih kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mungkin boleh mewujudkan kebosanan, rasa mengantuk dan jemu sewaktu mempelajari mata pelajaran ini.

Timbul persoalan di sini iaitu apakah kriteria-kriteria kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah yang berkesan. Menurut Abdul Rahim

(1998a), kaedah dan metodologi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah mempunyai kriteria berikut iaitu:

1. Kaedah yang digunakan perlu membantu guru mengembangkan strategi yang efektif dalam pembelajaran sejarah.
2. Kaedah yang digunakan perlu menarik minat dan mencabar kebolehan murid.
3. Kaedah yang digunakan perlu merangsang pembelajaran dan menyeronokkan murid mengenai sejarah sebagai satu bidang ilmuwan yang bernali dan amat dihargai dalam penghidupan mereka.
4. Kaedah yang digunakan dapat meluaskan horizon intelektual, sosial, moral dan kerohanian.
5. Kaedah yang digunakan perlu meningkatkan kecekapan kualiti pengajaran guru Sejarah .

Berdasarkan kriteria di atas, sesuatu kaedah yang digunakan sewaktu pengajaran Sejarah seharusnya melibatkan pelajar secara aktif dalam pengajaran dan pembelajarannya. Penglibatan secara aktif pelajar dalam pembelajaran akan menjadikan sesuatu mata pelajaran itu diminati, dihargai selain dapat mengembangkan kognitif dan afektif pelajar serta dapat menjadikan sesuatu mata pelajaran itu bermanfaat kepada pelajar. Ini dapat membantu mewujudkan perspektif positif seperti merasa penting untuk dipelajari, menyeronokkan dan

berguna untuk masa hadapan terhadap mata pelajaran ini khususnya di kalangan para pelajar.

1.1. Pernyataan masalah

Dalam konteks pendidikan Sejarah di sekolah-sekolah masa kini, kebanyakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan guru kurang menarik dan boleh mematikan semangat dan motivasi pelajar untuk mempelajari Sejarah. Menurut Abdul Rahim (1985), dalam satu tinjauan yang dibuat oleh Unit Kajian Kemasyarakatan Jabatan Pelajaran Johor di 59 buah sekolah rendah dan 39 sekolah menengah di Muar didapati kebanyakan guru Sejarah bergantung sepenuhnya kepada isi pelajaran daripada buku teks, pengajaran guru berdasarkan kaedah syarah dan penerangan, guru menyuruh murid-murid membaca buku Sejarah secara bergilir-gilir dan sangat sedikit guru yang berusaha menyampaikan pengajaran berdasarkan kaedah yang dicadangkan oleh kurikulum Sejarah KBSM seperti menggunakan kaedah yang menekankan penyiasatan, penerokaan dan penemuan. Rohana (1986), juga membuat kesimpulan yang sama iaitu guru kurang melibatkan pelajar secara aktif sewaktu pembelajaran Sejarah.

Walaupun kurikulum Sejarah KBSM sudah lama diperkenalkan kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah masih lagi tidak mengalami perubahan yang besar. Ini terbukti daripada kajian Wan Mohd Zahid (1992), yang mendapati hanya

6.6 minit daripada 40 minit yang diperuntukan, digunakan untuk pelajar memberi pendapat dan menjawab soalan sewaktu pembelajaran Sejarah. Fenomena ini berlaku kerana guru terpaksa menghabiskan sukanan pelajaran, pelajar lemah, saiz kelas yang besar dan pelbagai alasan lain yang diberikan oleh guru, tetapi yang pasti suasana pembelajaran di bilik darjah bercorak sehala (Aini Hassan, 1992).

Kaedah pengajaran sebegini mengakibatkan proses pembelajaran menjadi tidak seronok dan lesu, tambahan pula cara pengajaran banyak menggunakan kaedah lisan dan berpusatkan guru. Ini boleh meninggalkan kesan negatif dalam pembelajaran pelajar. Menurut Bruner (1969), jika pengajaran tidak diseimbangkan dengan kebolehan pelajar yang sedia ada, mungkin pembelajaran tidak akan berlaku seperti yang diharapkan bahkan apa yang akan berlaku ialah pelajar akan mengalami sekatan psikologi antara dirinya dengan guru dan pelajaran Sejarah. Keadaan seperti ini boleh mematikan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Oleh sebab Sejarah bukan satu disiplin yang sempit tetapi memerlukan pemikiran yang ekstensif (Rowse, 1965), satu ilmu '*ever becoming*' iaitu boleh dibuat pelbagai interpretasi dan dari semasa ke semasa mengalami perubahan (Furet, 1983, Khoo Kay Kim, 1991), pemilihan kaedah pengajaran haruslah melibatkan pelajar secara aktif. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru seharusnya memberi penekanan kepada proses penyiasatan dan penemuan dan menghindarkan penggunaan kaedah yang menuntut guru menyampaikan fakta sebanyak mungkin.

kepada pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya pendekatan ini dapat dilakukan oleh guru, maka pembelajaran Sejarah itu akan memenuhi kehendak kurikulum Sejarah KBSM. Di samping itu juga pengajaran Sejarah dapat mengembangkan pemikiran kritis, melatih pemikiran Sejarah (*historical thinking*) dan pemikiran membuat pertimbangan Sejarah (*historical judgement*) yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran sejarah.

Daripada perbincangan di atas, boleh dikatakan bukanlah mata pelajaran Sejarah yang tidak menarik tetapi kegagalan guru menggunakan kaedah yang berkesan menjadikan mata pelajaran ini tidak menarik. Ini selari dengan pendapat Brown (1980) iaitu,

"It is not the courses that they inefficient but the way they taught" (hal:558)

Oleh itu satu kaedah alternatif harus diketengahkan supaya pengajaran dan pembelajaran Sejarah menjadi lebih menarik dan matlamat serta objektifnya tercapai. Kaedah yang dicadangkan seharusnya dapat menimbulkan rasa seronok belajar, bermakna dalam kehidupan, menyuburkan minat, meningkatkan pelbagai potensi diri pelajar di samping untuk tujuan akademik. Jika ini dapat dilakukan, mata pelajaran Sejarah bukan saja berguna malah bermakna dan dihargai oleh pelajar.

Sehubungan itu, kertas projek ini berusaha untuk mengetengahkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang difikirkan sesuai, berkesan dan praktikal

untuk pengajaran dan pembelajaran Sejarah khasnya dalam konteks pendidikan Sejarah di Malaysia. Kaedah yang dicadangkan untuk mengatasi kelesuan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah ialah kaedah pembelajaran koperatif. Kaedah ini dipilih kerana ia mementingkan penglibatan pelajar secara aktif, dapat menyemai nilai-nilai murni seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Negara, meningkatkan kemahiran berbahasa, kemahiran belajar seperti mengumpul dan mengelas maklumat, mentafsir, menganalisis, mensintesis dan mengaplikasi. Selain dari itu dalam kaedah pembelajaran koperatif ini juga terdapat pelbagai jenis kaedah yang boleh digunakan dan disesuaikan dengan objektif pengajaran dan pembelajaran. Menurut Slavin et.al. (1985), kaedah ini berstruktur, berstrategi dan sesuai digunakan dalam pelbagai mata pelajaran khasnya mata pelajaran sains sosial.

1.2. Kepentingan kajian

Kajian ini penting dilakukan kerana guru boleh menggunakan sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah kerana selari dengan cadangan yang diberikan dalam kurikulum Sejarah KBSM disamping dapat meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, meningkatkan potensi diri para pelajar sama ada dalam aspek kognitif mahupun afektif, berupaya mencapai matlamat, objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Selain daripada itu, kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu seperti institusi pendidikan atau

panjanjur kursus peningkatan profesionalima guru supaya memberi kursus dan latihan cara melaksanakan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran khasnya mereka yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah.

1.3. Objektif kajian

Kajian ini bertujuan mencapai objektif-objektif tertentu iaitu:

1. Kajian ini untuk menjelaskan kaedah pembelajaran koperatif dan kaedah-kaedah yang tergolong dalam kaedah pembelajaran koperatif.
2. Kajian ini untuk menjelaskan bagaimana mengaplikasi kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah KBSM di bilik darjah serta mengemukakan beberapa modul contoh yang telah diubahsuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.
3. Kajian ini untuk membuktikan bahawa kaedah pembelajaran koperatif merupakan satu kaedah alternatif yang dapat membantu mencapai matlamat, objektif pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta selari dengan Falsafah Pendidikan Sejarah KBSM dan Falsafah Pendidikan Negara.

1.4. Soalan kajian

Soalan kajian ini bertumpu kepada tiga aspek penting, iaitu;

1. Apakah kaedah pembelajaran koperatif dan kaedah-kaedah yang tergolong dalam kaedah pembelajaran koperatif ?
2. Bagaimanakah mengaplikasikan kaedah pembelajaran koperatif di bilik darjah dan mengadaptasi modul-modul kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah ?
3. Sejauh manakah implikasi daripada pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah?

1.5. Kaedah dan struktur organisasi kajian

Kertas projek ini merupakan satu tinjauan dan analisis terhadap bahan-bahan yang berkaitan dengan kaedah pembelajaran koperatif yang telah dihasilkan oleh para sarjana dalam kaedah pembelajaran koperatif khususnya kerja yang dilakukan oleh David Johnson dan Roger Johnson dari Universiti Minnesota, Robert Slavin dari Universiti John Hopkin, Spencer Kagan dan Shlomo Sharan dari Universiti Tel Aviv dan para sarjana lain yang telah membuat penyelidikan mengenai kesan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Bahan-bahan tinjauan literatur meliputi buku, jurnal, kertas kerja dan

rencana yang dihasilkan oleh para sarjana tersebut serta bahan-bahan kursus atau seminar yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan tertentu seperti Majlis Amanah Rakyat dan Kementerian Pendidikan ataupun institusi pendidikan seperti universiti dan semua dokumen yang berkaitan dengan tajuk kertas projek ini.

Dari segi struktur organisasi kajian, ianya dibahagikan kepada lima bab iaitu;

1. Bab I penumpuan kepada isu-isu yang timbul dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah serta keperluan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif sebagai satu kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. Dalam bab ini juga dinyatakan kepentingan kajian dibuat, objektif kajian, soalan kajian, kaedah dan struktur organisasi kajian, batasan kajian dan definisi istilah.
2. Perbincangan bab II menjurus kepada huraian mengenai kaedah pembelajaran koperatif dan kaedah-kaedah yang tergolong di dalamnya..
3. Manakala di dalam bab III tumpuan perbincangan kepada pengaplikasian pembelajaran koperatif di bilik darjah dengan tumpuan kepada peranan guru untuk menjayakan penggunaan kaedah ini di bilik darjah. Ditunjukkan juga di antara contoh modul kaedah pembelajaran koperatif (kaedah Pertandingan-Permainan-

Pasukan dan kaedah *Jigsaw*) yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

4. Dalam bab IV tumpuan perbincangan mengenai implikasi pengaplikasian kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah dan umumnya dalam konteks pendidikan di Malaysia. Aspek-aspek implikasi yang dibincangkan ialah; kemahiran berkomunikasi dan keceriaan bilik darjah, peningkatan kemahiran berfikir, peningkatan motivasi pelajar, pemupukan semangat perpaduan dan nilai-nilai murni, meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang akademik.
5. Bab V merupakan rumusan daripada perbincangan keseluruhan kertas projek ini dan beberapa cadangan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

1.6. Batasan kajian

Batasan kajian kertas projek ini ialah kaedah pembelajaran koperatif yang dibincangkan dalam kertas projek ini merupakan kaedah pembelajaran koperatif yang dikaji dan dikembangkan oleh David W. Johnson, Roger T. Johnson, Robert Slavin Spencer Kagan dan Shlomo Sharan. Pemilihan kaedah pembelajaran koperatif yang dikembangkan oleh tokoh-tokoh tersebut adalah kerana mereka merupakan sarjana yang mengkaji dan mengembangkan kaedah pembelajaran

koperatif. Walaupun begitu, hasil-hasil kajian daripada para pengkaji lain mengenai kesan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah juga diberi perhatian supaya perspektif mengenai pembelajaran koperatif dapat diperluas.

Dalam kertas projek ini beberapa model kaedah pembelajaran koperatif dikemukakan untuk menunjukkan cara pengaplikasiannya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Kaedah yang dikemukakan ialah Pertandingan-Permainan-Pasukan dan *Jigsaw*

1.7. Definisi istilah

Definisi istilah kajian ini ialah;

1. Kaedah pembelajaran koperatif dalam kertas Projek ini merujuk kepada kaedah pembelajaran yang melibatkan aktiviti pembelajaran secara koperatif dalam sesuatu kumpulan kecil yang mempunyai unsur saling bergantung secara positif (*positive interdependence*), saling berinteraksi secara bersemuka (*face-to-face interaction*), tanggungjawab setiap individu (*individual accountability*), kemahiran sosial (*social skills*) dan proses dalam kumpulan (*group processing*).

2. Kumpulan merujuk kepada meletakkan dua atau lebih pelajar dalam sesuatu kumpulan untuk melakukan sesuatu tugasan pembelajaran yang ditugaskan oleh guru.
3. Pengajaran merujuk kepada aktiviti atau tindakan praktikal, sistematis, dikawal dan dirancang secara sengaja dan disedari untuk membantu pembelajaran.
4. Pembelajaran merujuk sebagai proses yang membawa kepada perubahan yang melibatkan penguasaan apa yang dipelajar seperti fakta, maklumat, prinsip, konsep, kepercayaan, kebiasaan, sikap dan berbagai kemahiran.